

26/08/1998

Berita bahasa Melayu ke seluruh dunia

METROVISIONEWS one the Net', saluran multimedia berinteraktif yang membolehkan rakyat Malaysia di luar negara khususnya dan pengguna Internet lain amnya, memperolehi bahan berita terkini yang dilaporkan secara seimbang dari Malaysia.

Bahan berita yang disiarkan lengkap dengan audio, visual dan teks yang juga boleh diperolehi sehingga tempoh tujuh hari (arkib) dari tarikh siaran.

Inilah julung kalinya perkhidmatan berita dalam bahasa Melayu (Metro Jam 8) dipancarkan ke seluruh dunia, selain penyiaran berita Inggeris (Metro Niteline) setiap hari jam 11.30 malam yang boleh dicapai melalui <http://www.visionews.com>.

Pengarah Urusan, MetroVision, Sabri Abdul Rahman, berkata tanggungjawab syarikat ialah membentuk lembaran baru yang berfungsi menyampaikan hasrat murni kerajaan, usaha dan kejayaan, keyakinan serta pencapaian negara pada rangkaian Internet, bagi dimanfaatkan oleh mereka yang inginkan maklumat sebenar dan seimbang tanpa agenda tertentu oleh pihak yang berniat dan berkepentingan.

"Sasaran utama MetroVisionews on the Net adalah rakyat Malaysia di luar negara termasuk Kedutaan Besar Malaysia, Suruhanjaya Perdagangan Luar Malaysia, Jabatan Pelajar Malaysia di luar negara, Pejabat Malaysia Airlines, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan banyak lagi," tambahnya.

"Walaupun dunia dilanda kegawatan dan kesempitan, namun kami mencuba pelbagai ikhtiar, tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap negara dengan mempelbagaikan sumber yang ada, sehingga terhasilnya inovasi berita dalam Internet ini," tambahnya.

Beliau berkata demikian dalam pelancaran `MetroVisionews on the Net' oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Dagangan Dunia Putra, minggu lepas.

Inovasi ini dihasilkan berdasarkan perjanjian perkongsian pintar yang dimeterai antara MetroVision dengan Perwimas Telecommunications Sdn Bhd.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif, Perwimas Telecommunications Sdn Bhd, Patrick S H Lim, untuk mencapai kemudahan ini sungguh mudah. Pengguna Internet hanya perlu perisian Realplay yang boleh dipindah turun secara percuma dari sumber Internet itu sendiri tanpa menggunakan persisian komputer yang lain.

"Pancaran siaran berita menerusi Internet ini tidak secara langsung, tetapi lewat antara 45 hingga satu jam selepas waktu sebenar ia disiarkan. Ini disebabkan proses teknikal yang membabitkan pengambilan dan penghantaran data dari sini ke hos pelayan kami di Amerika Syarikat yang mengambil sedikit masa," katanya.

(END)